



DRUG-FREE WORKPLACE POLICY

The Company is committed to providing a safe, healthy and productive work environment for all employees. The Company adopts a zero-tolerance stance on drug abuse. This policy is designed to prevent substance abuse, safeguard employee well-being and maintain operational integrity. The policy is governed by the following principles:

1. **Prohibition:** The use, possession, distribution or sale of illegal drugs and controlled substances on Company premises is strictly prohibited.
2. **Drug Screening:** The Company in collaboration with relevant authorities, reserves the right to conduct random, periodic and unannounced drug screening tests. These tests are intended to ensure policy compliance and may be administered without prior notice.
3. **Awareness and Education:** The Company will regularly organize awareness and education programs to inform employees about the risks and consequences of drug abuse, and to promote a culture of health and responsibility.
4. **Company Responsibilities:** To maintain a drug-free workplace by implementing screening procedures, offering support and awareness programs and taking necessary disciplinary actions where required.
5. **Employee Responsibilities:** To comply with this policy at all times, participate in related educational sessions and promptly report any suspected violations or drug-related incidents.
6. **Confidentiality:** All drug screening results and related information will be handled with the strictest confidentiality. Disclosure will be limited to individuals and parties with a legitimate need to know, in accordance with applicable laws and regulations.
7. **Enforcement and Compliance:** This policy is effective immediately and applies to all employees across all levels of the organization. Non-compliance will result in disciplinary action, which include termination of employment, subject to the severity of the violation.

A stylized, handwritten signature in black ink, appearing to be "B" or a similar monogram.

DATUK VICTOR ATIONG
GROUP MANAGING DIRECTOR/ GROUP CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Date: 02nd January 2025
Revision: 00



DASAR BEBAS DADAH DI TEMPAT KERJA

Syarikat komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif kepada semua pekerja. Syarikat mengamalkan pendirian toleransi sifar terhadap penyalahgunaan dadah. Polisi ini digubal untuk mencegah penyalahgunaan bahan terlarang, melindungi kebajikan pekerja dan mengekalkan integriti operasi. Polisi ini berteraskan prinsip-prinsip berikut:

1. **Larangan:** Penggunaan, pemilikan, pengedaran, atau penjualan dadah haram dan bahan terkawal di kawasan premis Syarikat adalah dilarang sama sekali.
2. **Ujian Saringan Dadah:** Syarikat dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, berhak untuk menjalankan ujian saringan dadah secara rawak, berkala dan tanpa notis awal. Ujian ini bertujuan memastikan pematuhan terhadap polisi dan boleh dijalankan pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
3. **Kesedaran dan Pendidikan:** Syarikat akan menganjurkan program kesedaran dan pendidikan secara berkala bagi memaklumkan pekerja tentang risiko dan akibat penyalahgunaan dadah serta memupuk budaya kerja yang sihat dan bertanggungjawab.
4. **Tanggungjawab Syarikat:** Memastikan tempat kerja bebas daripada dadah dengan melaksanakan prosedur saringan, menyediakan program sokongan dan kesedaran serta mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya apabila diperlukan.
5. **Tanggungjawab Pekerja:** Mematuhi polisi ini pada setiap masa, menyertai sesi pendidikan berkaitan dan segera melaporkan sebarang pelanggaran atau insiden berkaitan dadah yang disyaki.
6. **Kerahsiaan:** Semua keputusan ujian saringan dan maklumat yang berkaitan akan dikendalikan dengan penuh kerahsiaan. Pendedahan maklumat hanya dibenarkan kepada individu atau pihak yang mempunyai keperluan sah untuk mengetahui, selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
7. **Penguatkuasaan dan Pematuhan:** Polisi ini berkuat kuasa serta-merta dan terpakai kepada semua peringkat pekerja dalam organisasi. Kegagalan mematuhi polisi ini akan dikenakan tindakan tatatertib, termasuk penamatan perkhidmatan, bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan.

A stylized, handwritten signature in black ink, appearing to be "B" or a similar monogram.

DATUK VICTOR ATIONG
PENGARAH URUSAN KUMPULAN/ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Tarikh: 02hb Januari 2025
Pindaan: 00